

UNIT 2: TANGGUNGJAWAB TERHADAP RAKAN SEBAYA, JIRAN DAN MASYARAKAT

TAJUK 1 – TUTUR KATA YANG SOPAN

Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan perkataan atau frasa yang sesuai.

bahasa yang elok dan wajah	bukan kepunyaan	mesyuarat
tidak menimbulkan pergaduhan	tutur kata yang sopan	jujur
berasa selesa dan gembira	majlis keramaian	sangat dituntut
tanpa merendah-rendahkan	digalati dan dihormati	pulangkanlah
bantuan daripada orang dewasa	berasa rendah diri	menghormati

- Dalam kita hidup bermasyarakat, iaitu hidup berjiran, sekampung dan pergaulan dengan rakan sebaya _____ sangat penting untuk mewujudkan keharmonian dan merapatkan silaturahim.
- Kita dituntut untuk menjaga tutur kata dalam semua situasi contohnya dalam _____.
- Sebagai tuan rumah dalam satu-satu majlis keramaian seperti majlis perkahwinan, kita hendaklah mengalu-alukan kedatangan para tetamu dengan _____ yang gembira.
- Tetamu yang hadir akan _____ apabila kedatangannya disambut dengan wajah yang ceria dan tutur kata yang sopan.
- Begitu juga dalam sesuatu majlis permuafakatan atau _____ kampung.

- f. Setiap ahli yang hadir mengutarakan atau menyuarakan pendapat dengan bahasa yang sopan tanda _____ antara satu sama lain.
- g. Tutur kata yang sopan sangat perlu apatah lagi seseorang itu orang yang _____ di kalangan masyarakat atau penduduk kampung contohnya seperti ketua kampung.
- h. Dengan rakan sebaya pula, sebagai rakan yang baik, tutur kata kita juga perlu dijaga agar _____ dan membuat rakan kita berkecil hati.
- i. Jika ada rakan kita yang memerlukan bantuan dalam pelajaran, bantulah dia dengan ikhlas _____ kebolehannya.
- j. Jika kita mengungit kelemahannya dalam pelajaran, ini akan membuat dirinya _____ dan akan mengasingkan diri daripada kawan-kawan.
- k. Kita juga perlu _____ dalam hidup sehari-hari.
- l. Jika kita menjumpai sesuatu yang berharga, contohnya beg duit, _____ barang itu kepada tuannya.
- m. Jika kita tidak tahu cara untuk mengembalikan barang yang kita jumpai itu, mintalah _____ seperti guru-guru atau ibu bapa.
- n. Janganlah mengambil barang yang _____ kita.
- o. Sifat jujur _____ dalam agama Islam.